

:: SHUTDOWN WINDOWS SECARA AUTOMATIK ::

1. Klik Start -> Settings -> Control Panel
2. Pilih ikon Scheduled Tasks
3. Klik Add Scheduled Task
4. Klik Next
5. Klik Browse
6. Dalam kotak "Select Program to Schedule", diruang Filename masukkan arahan:
%SYSTEMROOT%\System32\shutdown.exe
7. Klik Open
8. Namakan tugas ini sebagai "Shutdown" atau apa sahaja nama yang sesuai.
9. Buat pilihan kekerapan bagi proses shutdown ini:
 - * Daily
 - * Weekly
 - * Monthly
 - * One time only
 - * When my computer starts
 - * When I Log on
10. Klik Next
11. Pilih masa dan waktu shutdown. Klik Next
12. Masukkan username dan password bagi akaun Administrator. Klik Next.
13. Tandakan pada pilihan "Open advanced properties for this task when I click Finish" dan klik Finish
14. Dalam kotak shutdown, tambahkan -s pada ruang Run:
%SYSTEMROOT%\System32\shutdown.exe -s
15. Klik OK

:: MENGUNCI UBS DRIVES ::

Pemacu USB atau USB pendrive adalah sebuah alat yang sangat berguna. Tetapi dalam beberapa keadaan, ianya perlu dihalang daripada penggunaannya jika rahsia dan keselamatan data diutamakan. Pengguna yang menggunakan Windows XP dengan SP2 boleh mengunci USB drive mereka daripada kebenaran menulis (write).

1. Klik Start -> Run
2. Taipkan regedit
3. Kembangkan ke HKEY_LOCAL_MACHINE\SYSTEM\CurrentControlSet\Control
4. Ciptakan New Key dan namakan dengan StorageDevicePolicies
5. Kemudian kembangkan ke HKEY_LOCAL_MACHINE\SYSTEM\CurrentControlSet\Control\StorageDevicePolicies dan ciptakan satu nilai DWORD dan namakan dengan WriteProtect. Berikan dengan nilai "1"

:: MENGATASI MASALAH CMOS CHECKSUM ERROR ::

Semasa proses POST, BIOS mampu mengesan ralat pada sistem, biasanya apabila berlakunya ralat, sistem akan mengeluarkan bunyi beep tertentu dan disertai dengan mesej:

PRESS F1 TO CONTINUE
CTRL + ALT + ESC
DEL TO ENTER SETUP

Artikel ini hanya akan menerangkan kod ralat bagi sistem yang menggunakan BIOS jenis Award sahaja. Sila pastikan terlebih dahulu jenis BIOS yang anda gunakan kerana setiap BIOS mempunyai kod ralat yang berbeza.

Kod ralat BIOS Award

Semasa artikel ini ditulis, terdapat hanya satu sahaja jenis bunyi kod beep dan lebih 40 jenis mesej ralat bagi BIOS Award. Satu bunyi beep yang panjang diikuti dengan dua bunyi beep yang pendek menandakan terdapatnya ralat pada video di mana BIOS tidak dapat untuk menerima isyarat video.

Mesej ralat pula ialah mesej yang dipaparkan pada skrin komputer yang menunjukkan kesilapan pada sistem papan induk. Antara mesej ralat yang paling kerap dihadapi oleh pengguna ialah jenis hasil tambah semak (CMOS checksum error). Masalah CMOS checksum error biasanya adalah disebabkan kegagalan CMOS untuk mendapatkan keputusan tepat bagi hasil tambah-semak di dalam BIOS.

Berikut adalah 4 jenis kod ralat CMOS checksum error bagi BIOS Award dan keterangan mengenainya:

Mesej Ralat BIOS Award**Keterangan**

BIOS ROM checksum error - System halted

Hasil tambah semak pada kod BIOS di dalam cip BIOS tidak tepat, ini menandakan kod BIOS anda telah korup. Untuk mengatasi masalah ini, gantikan BIOS tersebut dengan BIOS yang lain.

CMOS battery failed

Bateri CMOS tidak berfungsi. Gantikan dengan bateri baru.

CMOS checksum error - Defaults loaded

Hasil tambah semak CMOS tidak tepat menyebabkan sistem terpaksa memuatkan konfigurasi asal. Hasil tambah semak mungkin menandakan CMOS telah korup. Ralat ini boleh disebabkan oleh bateri yang lemah. Periksa bateri dan gantikan dengan yang lain jika perlu.

CMOS CHECKSUM ERROR DISK BOOT FAILURE, INSERT SYSTEM DISK AND PRESS ENTER

Hasil tambah semak CMOS tidak tepat dan tanda menunjukkan CMOS telah korup. Ralat ini boleh disebabkan oleh bateri yang lemah. Periksa bateri dan gantikan dengan bateri yang lain jika perlu.

Jika diteliti keterangan mesej ralat pada jadual tersebut, masalah checksum error biasanya adalah disebabkan oleh kelemahan pada bateri CMOS. Untuk mengatasinya, anda boleh gantikan bateri tersebut dengan bateri yang baru. Bateri ini boleh didapati di mana-mana kedai aksesori komputer pada harga sekitar RM5.00 sahaja.

:: OVERCLOCKING ::**Apakah maksud overclocking?**

Overclocking bermaksud menaikkan kelajuan sesebuah processor (CPU/GPU/VPU) atau RAM daripada kelajuan asal yang telah ditetapkan oleh pengeluar. Ini bermaksud kita mendapat kelajuan yang lebih dengan harga yang lebih murah.

Adakah setiap PC boleh di overclock?

Proses ini bergantung kepada jenis CPU, GPU, RAM serta motherboard dan chipset yang digunakan. Terdapat beberapa pengeluar motherboard seperti Abit, DFI, Asus yang menyokong overclocking. Oleh itu kita perlu memilih perkakasan yang sesuai utk meng'overclock'. Senarai perkakasan yang menyokong baik overclocking boleh dirujuk di website-website perkakasan yang sentiasa memberikan review terhadap sesuatu perkakasan. Selain itu, banyak forum-forum perkakasan yang membincangkan mengenai topik overclocking seperti lowyat.net, putera.com dan sebagainya.

Bagaimana untuk melakukan proses overclocking?

Kebanyakan motherboard yang terkini, setting utk kepantasan sesebuah processor dan RAM boleh diubah melalui BIOS. Pada asasnya, setting kelajuan processor dikira melalui FSB yang didarabkan dengan pekali (multiplier). Setting ini biasanya telah ditetapkan oleh pengeluar tetapi boleh di ubah secara menaikkan nilai atau menurunkan nilai. Sebagai contoh bagi sebuah processor AMD Athlon XP 1800+ yang beroperasi pada 1530Mhz telah ditetapkan sebagai $133\text{Mhz} \times 11.5 = 1530\text{Mhz}$. Jika kita menaikkan FSB iaitu 133Mhz kepada 166Mhz, maka $166\text{Mhz} \times 11.5 = 1909\text{Mhz}$. Dengan ini kelajuan processor kita meningkat sebanyak 25%. Perlu diingatkan bahawa kita hendaklah menaikkan FSB beransur-ansur seperti 2Mhz secara menaik. Ini utk mengelakkan sistem menjadi tidak stabil, dan paling teruk merosakkan perkakasan kita yang sangat bernilai itu.

Jika processor yang digunakan mempunyai unlocked multiplier, kita boleh mendapatkan prestasi yang optimum jika kita menurunkan nilai pekali dan menaikkan FSB. Sebagai contoh bagi Athlon XP 1800+, $200\text{Mhz} \times 9.5 = 1900\text{Mhz}$. Jika dibandingkan antara $166\text{Mhz} \times 11.5 = 1909\text{Mhz}$ dan $200\text{Mhz} \times 9.5 = 1900\text{Mhz}$, setting pertama mempunyai nilai frequency lebih tinggi. Sebaliknya dari segi prestasi sebenar, $200\text{Mhz} \times 9.5 = 1900\text{Mhz}$ beroperasi dengan lebih laju kerana kelebihan FSB yang tinggi. FSB tinggi bermaksud bandwidth untuk RAM juga meningkat jika frequency RAM ditetapkan sama laju dgn RAM.

Apakah maksud multiplier locked/unlock?

Untuk mengelakkan daripada overclocking, pengeluar chip seperti Intel dan AMD mengunci pekali dari diubah sesuka hati oleh para overclockers.

Ini kerana processor yang mempunyai unlocked multiplier yang menjadi overclocking king yang akan merugikan pengeluar processor tersebut kerana pengguna mendapat prestasi yang maximum dgn harga yang minimum.

Bagaimana hendak menentukan kestabilan sistem dan penambahan prestasi yang dicapai setelah meng\overclock\?

Banyak perisian yang telah ditulis utk mengukur prestasi sistem sesebuah PC seperti PCMark 2006, SiSoft Sandra dan perisian lain seperti Super Pi, Prime95, PiFast dan sebagainya. Walaubagaimana pun perisian Prime95 iaitu program utk mencari nombor perdana Mersenne mempunyai fungsi khas utk menentukan kestabilan sistem. Tambahan pula perisian telah menjadi de facto standard serta diiktiraf oleh ramai overclockers.

:: MENJADUALKAN DISK DEFRAGMENTATION ::

Bagi memastikan sistem anda sentiasa cekap dan pantas, anda boleh menjadualkan utiliti Disk Defragmenter. Disk Defragmenter akan mengurus fail-fail yang terdapat di dalam hard disk supaya mudah diakses oleh komputer. Proses defragmenter boleh memakan masa yang lama untuk disiapkan bergantung kepada kelajuan komputer dan saiz cakera anda. Bagaimanapun terdapat kaedah dimana anda boleh menggunakan penjadual seperti Task Scheduler untuk menjalankan program ini pada masa-masa yang tertentu apabila komputer tidak digunakan.

Ikut langkah-langkah berikut:

- 1) Masuk Control Panel -> Scheduled Tasks
- 2) Pilih menu File -> New -> Scheduled Tasks
- 3) Namakan ikon tersebut dengan nama \"Defrag Disk\"
- 4) Klik dua kali pada ikon dan klik tab Task
- 5) Dalam ruang Run:, masukkan arahan ini:
defrag.exe c: -v
- 6) Dalam ruang Start in: masukkan:
C:\\
- 7) Klik tab Schedule dan selaraskan masa yang sesuai bagi menjalankan tugas ini.
- 8) Klik OK.

:: MENGAWAL PENGGUNAAN HARDISK ::

Jika hard disk anda diformat dengan format NTFS, anda boleh mengawal jumlah kuota menggunakan utiliti Disk Quota.

Untuk mengaktifkan Disk Quotas:

- 1) Masuk My Computer dan pilih disk drive. Klik kanan dan pilih Properties.
- 2) Klik tab Quota
- 3) Tandakan pada Enable quota management
- 4) Tandakan pada Deny disk space to users exceeding quota limit.
- 5) Pilih butang Limit disk space to
- 6) Masukkan jumlah saiz yang ingin ditetapkan.
- 7) Masukkan juga nilai pada Set warning level to
- 8) Klik OK

:: Tweak mozilla FireFox ::

1. Buka browser firefox anda.
2. Kemudian taipkan about:config di address bar dan tekan enter.
3. Cari:
network.http.pipelining dan tukarkan kepada true
network.http.proxy.pipelining dan tukarkan kepada true
network.http.pipelining.maxrequests dan tukarkan kepada true
4. Akhir sekali klik kanan di mana-mana menggunakan mouse anda.
5. Pilih option New > Integer dan namakan nglayout.initialpaint.delay dan setkan value sebagai 0.
6. Tutup browser firefox dan buka semula. Anda akan merasai perbezaannya.

:: MENGAKTIFKAN FIREWALL DALAM WINDOWS XP ::

Microsoft Windows XP dilengkapi dengan sistem keselamatan dalam bentuk firewall. Sistem ini dikenali dengan nama ICF atau Internet Connection Firewall. ICF amat diperlukan sebagai perlindungan jika komputer anda berada dalam rangkaian lebih-lebih lagi jika komputer anda bersambung terus ke talian Internet.

Untuk mengaktifkan ICF dalam Windows XP SP1:

- 1) Klik Start -> Settings -> Control Panel
- 2) Klik ikon Network Connections
- 3) Pilih ikon sambungan yang ingin dilindungi, klik kanan dan pilih Properties
- 4) Pilih tab Advanced
- 5) Di bahagian Internet Connection Firewall, tandakan Protect my computer and...
- 6) Klik OK

Untuk mengaktifkan ICF dalam Windows XP SP2:

- 1) Klik Start -> Run, taipkan Firewall.cpl dan tekan Enter
- 2) Pilih tab General
- 3) Klik On (recommended)
- 4) Klik OK

:: MENGAKTIFKAN CD BURNING ::

Untuk mengaktif atau menyahaktifkan fungsi CD Burning di dalam Windows XP melalui registry.

- 1) Klik Start -> Run
- 2) Taipkan regedit
- 3) Kembangkan (expand) ke:
HKEY_LOCAL_MACHINE\\Software\\Microsoft\\Windows\\CurrentVersion\\Policies\\Explorer
- 4) Cipta satu nilai DWORD dan namakan dengan NoCDBurning. Berikan nilai \"1\" untuk mengaktif CD Burning atau \"0\" untuk menyahaktifkan.
Restart atau Log-Off komputer.